
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKP 317 – Ideologi Dunia Ketiga

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Bincangkan elemen-elemen dan fungsi-fungsi ideologi. Mengapakah ideologi dikatakan sentiasa memperlihatkan sifat kepincangan, iaitu ia gagal dalam merealisasikan janjinya untuk mewujudkan masyarakat sempurna?
(100 markah)
2. Jelaskan maksud ideologi politik berhaluan kiri dan berhaluan kanan dalam spektrum ideologi politik. Bandingkan juga pendirian atau perjuangan kedua-dua kumpulan tersebut terhadap isu-isu berikut:
 - (i) Kesamarataan ekonomi
 - (ii) Hak-hak asasi manusia
 - (iii) Jenis dan kadar perubahan politik
(100 markah)
3. (a) Bincangkan prinsip-prinsip utama Ghandisme berhubung dengan aspek-aspek berikut:
 - (i) Kebebasan dan negara
 - (ii) Kebebasan dan organisasi ekonomi
 - (iii) Kaedah-kaedah penyelesaian konflik
(b) Apakah Ideologi Ghandisme masih relevan dalam politik kontemporari di negara India? Bincangkan.

(100 markah)
4. Huraikan pembaharuan-pembaharuan ekonomi dan politik yang dilaksanakan di negara China dalam era pasca-Mao Zedong. Bagaimanakah kerajaan komunis China menangani “pencemaran” oleh pemikiran borjuis?
(100 markah)
5. (a) Bincangkan ciri-ciri yang mendefinisikan demokrasi liberal.
(b) Sejauh manakah negara Ghana dapat dikategorikan di bawah model demokrasi liberal selepas era Perang Dingin?
(100 markah)